



Kewangan Sektor Awam

Tinjauan Keseluruhan

Semasa Belanjawan 2001 dibentangkan pada Oktober 2000, ekonomi negara telah mencatat pertumbuhan kukuh selama dua tahun selepas krisis kewangan. Walau bagaimanapun, sejak awal tahun 2001, pertumbuhan ekonomi merosot dengan ketara berikutan permintaan luar yang kian lemah. Keadaan persekitaran luar negara yang kian lemah dan kesan negatif kepada ekonomi dalam negeri memerlukan Kerajaan meningkatkan rangsangan fiskal pada tahun 2001 bagi menggalakkan pertumbuhan. Dasar fiskal mengembang yang melibatkan peningkatan perbelanjaan dan pemberian insentif cukai yang lebih besar bertujuan untuk menggalakkan penggunaan dan pelaburan dalam negeri. Regim kadar faedah yang rendah, kadar pertukaran yang stabil, kedudukan imbalan pembayaran yang kukuh dan hutang luar yang rendah serta inflasi yang terkawal telah membolehkan Kerajaan meneruskan belanjawan mengembang bagi empat tahun berturut-turut tanpa menyebabkan tekanan ke atas harga serta tidak melemahkan potensi pertumbuhan dalam jangka sederhana dan jangka panjang.

Walaupun dasar fiskal mengembang diteruskan, Kerajaan tetap tegas mengamalkan dasar fiskal berhemat dan berdisiplin dalam pengurusan kewangannya bagi menjamin kedudukan kewangan negara terus mapan. Sehubungan ini, Kerajaan tetap memastikan supaya hasil sentiasa mencukupi untuk menampung perbelanjaan mengurus. Pada masa yang sama, defisit keseluruhan belanjawan dikekalkan pada paras yang mapan tanpa menggugat prospek pertumbuhan jangka panjang. Di samping itu, dengan mengutamakan pembiayaan defisit

melalui sumber-sumber dalam negeri yang tidak membawa kesan inflasi, hutang luar dan nisbah khidmat hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah.

Sektor Awam

Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan berkanun serta Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) terus mencatat lebih dalam akaun semasa. Ini terutamanya disebabkan oleh prestasi hasil PABK yang bertambah baik terutamanya Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) berikutan daripada harga petroleum dan gas cecair asli yang terus tinggi. Dengan prestasi hasil yang lebih baik, defisit keseluruhan sektor awam dijangka kekal rendah iaitu 1.7% daripada KDNK walaupun perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan PABK meningkat dengan ketara, seperti di Jadual 5.1.

Kerajaan Persekutuan

Akaun semasa Kerajaan Persekutuan dijangka kekal mencatat lebih iaitu RM7,879 juta berikutan prestasi hasil yang lebih baik meskipun perbelanjaan mengurus meningkat dengan besar. Ini turut menggambarkan komitmen berterusan Kerajaan untuk memastikan akaun semasanya sentiasa mencatat lebih. Setelah mengambil kira perbelanjaan pembangunan, kedudukan kewangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit 6.5% daripada KDNK iaitu lebih tinggi daripada kadar yang dicatat pada tahun 2000 iaitu 5.8% seperti di Jadual 5.2. Peningkatan defisit ini adalah disebabkan oleh tambahan rangsangan fiskal bagi menangani

JADUAL 5.1

**Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan
2000-2002**

	RM juta			Perubahan (%)		
	2000 ¹	2001 ²	2002 ³	2000	2001	2002
Sektor kerajaan						
Akaun semasa						
Hasil	75,480	83,466	87,821	6.3	10.6	5.2
Perbelanjaan mengurus	64,440	69,523	73,817	19.6	7.9	6.2
Baki akaun semasa	11,040	13,943	14,004	-35.6	26.3	0.4
Lebihan semasa PABK ⁴	37,032	41,453	32,998	10.5	11.9	-20.4
Lebihan semasa sektor awam	48,072	55,396	47,002	-5.1	15.2	-15.2
Perbelanjaan pembangunan	52,668	61,129	59,327	8.7	16.1	-2.9
Sektor kerajaan	27,124	30,350	29,841	29.4	11.9	-1.7
PABK	25,544	30,779	29,486	-7.1	20.5	-4.2
Baki keseluruhan	-4,596	-5,733	-12,325	-309.2	24.7	115.0
% kepada KDNK	-1.3	-1.7	-3.3			

¹ Anggaran sebenar.² Anggaran disemak.³ Anggaran Belanjawan, tanpa mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2002.⁴ Tidak termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan.

JADUAL 5.2

**Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan
2000-2002**

	RM juta			Perubahan (%)		
	2000 ¹	2001 ²	2002 ³	2000	2001	2002
Hasil	61,864	69,011	73,400	5.4	11.6	6.4
Perbelanjaan mengurus	56,547	61,132	65,342	21.2	8.1	6.9
Baki semasa	5,317	7,879	8,058	-55.6	48.2	2.3
Perbelanjaan pembangunan kasar	27,941	32,058	28,382	23.6	14.7	-11.5
Tolak: Terimaan balik pinjaman	2,909	1,800	1,700	152.5	-38.1	-5.6
Perbelanjaan pembangunan bersih	25,032	30,258	26,682 ⁴	16.6	20.9	-11.8
Baki keseluruhan	-19,715	-22,379	-18,624	107.8	13.5	-16.8
% kepada KDNK	-5.8	-6.5	-5.0			


¹ Anggaran sebenar.² Anggaran disemak.³ Belanjawan disemak, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2002.⁴ Tidak mengambil kira RM2,000 juta tabung luar jangka.

masalah yang kian meningkat di sektor luar. Selain untuk mengawal dan meminimumkan kesan negatif daripada kemelesetan ekonomi global, pakej rangsangan fiskal ini juga bertujuan untuk membantu golongan miskin dan mereka yang kurang bernasib baik akibat kemelesetan ekonomi.

Hasil

Prestasi hasil tahun 2001 adalah membanggakan, iaitu meningkat 11.6% yang merupakan paras tertinggi semenjak krisis kewangan walaupun pertumbuhan ekonomi adalah perlahan dan permintaan luar negara lemah, seperti di Jadual 5.3. Prestasi hasil yang menggalakkan ini disebabkan terutamanya oleh kutipan cukai pendapatan korporat dan petroleum yang lebih baik serta terimaan dividen yang lebih tinggi daripada PETRONAS.

Secara keseluruhannya, hasil **cukai langsung** terus menjadi penyumbang utama kepada jumlah hasil dengan cukai pendapatan korporat dan petroleum dijangka mencatat peningkatan yang ketara berbanding dengan cukai langsung yang



JADUAL 5.3

Hasil Kerajaan Persekutuan 2000-2002

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2000 ¹	2001 ²	2002 ³	2000	2001	2002	2000	2001	2002
Hasil cukai	47,173	52,556	56,388	4.0	11.4	7.3	76.3	76.2	76.8
Cukai langsung	29,156	34,256	36,801	7.0	17.5	7.4	47.1	49.6	50.1
Cukai tidak langsung	18,017	18,300	19,587	-0.5	1.6	7.0	29.2	26.5	26.7
Hasil bukan cukai	14,691	16,455	17,012	10.2	12.0	3.4	23.7	23.8	23.2
Jumlah hasil	61,864	69,011	73,400	5.4	11.6	6.4	100.0	100.0	100.0

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2002.

lain, seperti di Jadual 5.4. Harga petroleum mentah yang tinggi dan meningkat 66.7% daripada harga purata USD18 setong pada tahun 1999 kepada USD30 setong pada tahun 2000 telah menyumbang kepada peningkatan ketara dalam cukai pendapatan petroleum. Cukai pendapatan korporat juga dijangka meningkat berikutan prestasi syarikat-syarikat yang bertambah baik dan kesan daripada kerugian yang dibawa ke hadapan ke atas keuntungan tahun semasa adalah kecil kerana sebahagian besar daripada kerugian tersebut telah diambil kira pada tahun 2000. Tambahan pula, sebahagian daripada cukai korporat yang sepatutnya dibayar pada tahun 2000 telah dikutip pada tahun 2001 berikutan pengenalan sistem taksiran tahun semasa pada tahun 2000 yang membenarkan pembayaran secara ansuran dibuat semasa tempoh peralihan tersebut.

Kenaikan cukai pendapatan individu adalah kecil, berikutan banyak konsesi dan rebat cukai yang telah diberikan dalam Belanjawan 2001 bertujuan untuk meningkatkan pendapatan boleh guna dan menggalakkan penggunaan swasta. Antara lain, ianya termasuklah kenaikan dalam rebat cukai pendapatan individu daripada RM110 kepada RM350 serta pelepasan cukai untuk membeli

buku, yuran bagi melanjutkan pelajaran dan perbelanjaan perubatan. Hasil daripada komponen cukai langsung yang lain, seperti duti setem dan cukai keuntungan harta tanah (RPGT), dijangka berkurangan berikutan bilangan dan nilai transaksi yang rendah dalam pasaran saham dan hartanah. Tambahan pula, Kerajaan telah melaksanakan penyeragaman terhadap kadar duti setem yang menyebabkan pengurangan dalam hasil kutipan duti setem.

Cukai tidak langsung secara keseluruhannya dijangka meningkat sedikit iaitu 1.6% kepada RM18,300 juta pada tahun 2001 (2000: RM18,017 juta). Peningkatan cukai jualan, penyumbang utama cukai tidak langsung dengan sumbangan lebih daripada satu pertiga, dijangka meningkat dengan sederhana iaitu 5% (2000: 33%) berikutan pertumbuhan dalam penggunaan swasta yang perlahan disebabkan oleh kelembapan ekonomi serta kesan negatif ke atas kekayaan akibat kejatuhan pasaran saham. Duti eksais dijangka meningkat sedikit, iaitu 3% berikutan prestasi jualan kenderaan bermotor yang terus menggalakkan. Sebaliknya, duti import yang menyumbang 18.1% dijangka turun sejajar dengan komitmen Malaysia ke atas penyelarasan

JADUAL 5.4



**Cukai Langsung Kerajaan Persekutuan
2000-2002**

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2000 ¹	2001 ²	2002 ³	2000	2001	2002	2000	2001	2002
Cukai pendapatan	27,017	32,444	34,881	7.4	20.1	7.5	92.7	94.7	94.8
Syarikat	13,905	16,862	18,818	-11.7	21.3	11.6	47.7	49.2	51.1
Individu	7,015	7,277	8,045	9.3	3.7	10.6	24.1	21.2	21.9
Petroleum	6,010	8,220	7,926	110.4	36.8	-3.6	20.6	24.0	21.5
Koperasi	87	85	92	-38.7	-2.3	8.2	0.3	0.2	0.2
Lain-lain	2,139	1,812	1,920	2.4	-15.3	6.0	7.3	5.3	5.2
Duti setem	1,799	1,500	1,607	14.9	-16.6	7.1	6.2	4.4	4.4
Lain-lain	340	312	313	-34.8	-8.2	0.3	1.1	0.9	0.9
Jumlah	29,156	34,256	36,801	7.0	17.5	7.4	100.0	100.0	100.0

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2002.



JADUAL 5.5

**Cukai Tidak Langsung Kerajaan Persekutuan
2000-2002**

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2000 ¹	2001 ²	2002 ³	2000	2001	2002	2000	2001	2002
Duti eksport	1,032	1,052	1,016	54.0	1.9	-3.4	5.7	5.7	5.2
Duti import	3,599	3,318	3,511	-23.8	-7.8	5.8	20.0	18.1	17.9
Duti eksais	3,803	3,916	4,110	-19.5	3.0	5.0	21.1	21.4	21.0
Cukai jualan	5,968	6,269	6,840	33.0	5.0	9.1	33.1	34.3	34.9
Cukai perkhidmatan	1,701	1,734	1,956	16.6	1.9	12.8	9.4	9.5	10.0
Lain-lain	1,914	2,011	2,154	-6.2	5.1	7.1	10.7	11.0	11.0
Jumlah	18,017	18,300	19,587	-0.5	1.6	7.0	100.0	100.0	100.0

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2002.

JADUAL 5.6

**Hasil Bukan Cukai Kerajaan Persekutuan
2000-2002**

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2000 ¹	2001 ²	2002 ³	2000	2001	2002	2000	2001	2002
Lesen/permit	5,548	5,792	6,061	20.3	4.4	4.6	37.8	35.2	35.6
Perkhidmatan/ bayaran	576	530	567	26.0	-8.0	7.0	3.9	3.2	3.3
Pendapatan pelaburan	7,384	8,928	9,093	5.4	20.9	1.8	50.3	54.3	53.5
Lain-lain	1,183	1,205	1,291	-5.7	1.9	7.1	8.0	7.3	7.6
Jumlah	14,691	16,455	17,012	10.2	12.0	3.4	100.0	100.0	100.0

¹ Anggaran sebenar.² Anggaran disemak.³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2002.

kastam di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA). Dalam usaha untuk menggalakkan kecekapan dan pemodenan serta juga mengurangkan kos menjalankan perniagaan dalam sistem pengangkutan dan pengedaran, beberapa jenis produk seperti kepala lori dan treler dalam industri pengangkutan serta jentera dan peralatan yang digunakan dalam industri pertanian telah diberi pengecualian duti import dan cukai jualan. Duti import yang berkurangan, sedikit sebanyak telah diimbangi oleh peningkatan kutipan daripada duti eksais dan cukai jualan yang lebih baik daripada segmen kenderaan bermotor serta peningkatan kadar cukai jualan ke atas rokok, tembakau dan minuman keras selaras dengan dasar menggalakkan cara hidup sihat dan membendung gejala sosial. Duti eksport yang sebahagian besarnya diperolehi daripada eksport petroleum (97.8%) juga dijangka meningkat sedikit berikutan harga petroleum yang kekal tinggi. Kutipan daripada cukai perkhidmatan adalah lebih kurang sama seperti paras tahun sebelumnya.

Hasil bukan cukai yang terdiri daripada terimaan daripada pendapatan pelaburan, lesen dan permit serta royalti dan dividen petroleum dijangka

meningkat dengan kukuh sebanyak 12%, menyumbang kira-kira satu perempat kepada jumlah keseluruhan hasil, seperti di Jadual 5.6. Peningkatan hasil bukan cukai disebabkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan dan terimaan daripada lesen dan permit yang lebih tinggi. Prestasi korporat syarikat-syarikat kerajaan yang semakin baik terutamanya PETRONAS telah menyumbang kepada peningkatan dalam pendapatan pelaburan serta royalti petroleum. Peningkatan hasil daripada lesen dan permit pula disebabkan oleh jualan kenderaan bermotor yang menggalakkan dan menyumbang lebih separuh daripada hasil dalam kategori ini.

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan untuk tujuan operasi dan pentadbiran dijangka mencatat peningkatan yang lebih rendah iaitu 8.1%, (2000: 21.2%), seperti di Jadual 5.7. Peningkatan yang kecil ini disebabkan oleh pengurangan dalam pemberian subsidi (-14.2%) terutamanya untuk produk petroleum dan bayaran balik. Jika perkara-perkara tersebut tidak diambil kira, perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 11.9%.

Untuk meningkatkan lagi kebajikan kakitangan awam, elaun untuk kategori tertentu dalam jawatan kritikal sektor awam telah dinaikkan. Kenaikan elaun ini adalah untuk polis, tentera, bomba, jururawat dan doktor, pengetua dan guru besar serta pesara tentera sebagai mengiktiraf sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara. Sehubungan ini, **emolumen** yang merupakan komponen terbesar dalam perbelanjaan mengurus dijangka mencatat peningkatan 3.4%. Emolumen untuk para guru dan jururawat meliputi 60% daripada jumlah tersebut.

Perbelanjaan untuk **bekalan dan perkhidmatan** dijangka meningkat dengan ketara iaitu sebanyak 35.6%. Perbelanjaan yang lebih besar ini adalah berikutan peruntukan yang tinggi untuk sekolah, hospital dan klinik, institut latihan kemahiran belia, institut latihan perindustrian serta bangunan

dan kemudahan kerajaan yang sedia ada. Tambahan pula, bayaran sewaan untuk kementerian dan agensi yang merupakan satu persepuluh daripada perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan dijangka meningkat 37.8%.

Pinjaman yang lebih tinggi bagi membiayai rangsangan fiskal semenjak kebelakangan ini telah meningkatkan bayaran faedah. Justeru itu, **bayaran khidmat hutang** yang terdiri daripada bayaran faedah pinjaman dalam dan luar negara meningkat sebanyak 7.9%. Walau bagaimanapun, bayaran khidmat hutang sebagai peratusan kepada jumlah perbelanjaan mengurus kekal rendah iaitu 16% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan subsidi dijangka berkurangan berikutan kenaikan harga produk petroleum berkuatkuasa Oktober 2000 serta kejatuhan harga petroleum mentah yang akan mengurangkan jumlah pembayaran subsidi.

JADUAL 5.7

**Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek
2000-2002**

	RM juta (%)			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2000 ¹	2001 ²	2002 ³	2000	2001	2002	2000	2001	2002
Emolumen	16,357	16,921	17,581	13.3	3.4	3.9	28.9	27.7	26.9
Bayaran khidmat hutang	9,055	9,768	9,429	14.0	7.9	-3.5	16.0	16.0	14.4
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	2,077	2,161	1,959	37.3	4.0	-9.3	3.7	3.5	3.0
Pencen dan ganjaran	4,187	4,891	4,556	10.4	16.8	-6.8	7.4	8.0	7.0
Bekalan dan perkhidmatan	7,360	9,983	11,763	21.2	35.6	17.8	13.0	16.3	18.0
Subsidi	4,824	4,137	4,719	324.6	-14.2	14.1	8.5	6.8	7.2
Pemberian kepada badan-badan berkanun ⁴	4,016	5,196	5,749	-18.2	29.4	10.6	7.1	8.5	8.8
Bayaran balik	2,382	1,783	2,352	38.7	-25.1	31.9	4.2	2.9	3.6
Lain-lain	6,289	6,292	7,234	21.4	0.0	15.0	11.2	10.3	11.1
Jumlah	56,547	61,132	65,342	21.2	8.1	6.9	100.0	100.0	100.0

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2002.


⁴ Termasuk emolumen.

Perbelanjaan Pembangunan

Sejajar dengan dasar fiskal mengembang, perbelanjaan pembangunan dijangka meningkat dengan ketara iaitu pada kadar 14.7%, seperti di Jadual 5.8. Walaupun perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi telah diperuntukkan untuk merangsang permintaan agregat dalam negeri dalam jangka masa pendek, teras dasar perbelanjaan turut memberi penumpuan kepada pembangunan sumber manusia serta infrastruktur industri dan fizikal bagi memastikan pertumbuhan mapan dalam jangka panjang.

Memandangkan kelembapan ekonomi AS adalah melebihi dari yang dijangkakan, peruntukan tambahan pre-emptive bernilai RM3 bilion telah dilancarkan pada Mac 2001 untuk mengurangkan kesan negatif kelembapan tersebut ke atas aktiviti ekonomi dalam negeri. Tambahan pakej rangsangan fiskal ini adalah khususnya untuk pembinaan sekolah satu sesi, kolej komuniti, universiti, kuarters untuk anggota tentera serta subsidi untuk penanaman semula kelapa sawit dan bantuan khas untuk pekebun kecil getah. Oleh kerana pelaksanaan projek di bawah pakej pre-emptive ini adalah perlahan, Kerajaan telah meluluskan sejumlah RM1 bilion lagi untuk projek-projek kecil yang boleh dilaksanakan segera di kawasan luar bandar dan kawasan bandar terpilih.

Serangan ke atas AS pada 11 September serta kesan negatifnya terhadap ekonomi global memerlukan Kerajaan untuk melancarkan satu lagi pakej rangsangan fiskal berjumlah RM4.3 bilion pada September 2001 untuk mengawal dan meminimumkan kesan buruk kemelesetan ekonomi global ini. Selain untuk menjana aktiviti ekonomi dalam negeri, pakej ini juga bertujuan untuk membantu golongan miskin dan mereka yang kurang bernasib baik, mewujudkan peluang perniagaan dan pendapatan bagi pengusaha kecil serta memberikan latihan kemahiran kepada pekerja yang telah diberhentikan dan juga graduan yang menganggur. Pakej ini juga menyediakan peruntukan untuk menggandakan kadar semasa bayaran kebajikan, menaik taraf dan menyelenggara bangunan dan kemudahan kerajaan, membina makmal komputer tambahan di 2,000 buah sekolah, memberi elaun bulanan untuk pemegang ijazah dan diploma bagi mempelajari IT, matematik dan bahasa, menyediakan latihan untuk pekerja-pekerja yang diberhentikan dan promosi pelancongan.



JADUAL 5.8

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor
2000-2002**

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2000 ¹	2001 ²	2002 ³	2000	2001	2002	2000	2001	2002
Perkhidmatan sosial	11,076	14,618	10,992	59.7	32.0	-24.8	39.6	45.6	38.7
Perkhidmatan ekonomi	11,639	11,614	11,798	29.8	-0.2	1.6	41.7	36.2	41.6
Keselamatan	2,332	2,842	2,980	-25.3	21.9	4.9	8.3	8.9	10.5
Pentadbiran am	2,894	2,984	2,612	-19.3	3.1	-12.5	10.4	9.3	9.2
Jumlah	27,941	32,058	28,382	23.6	14.7	-11.5	100.0	100.0	100.0

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2002.

Bagi mempercepatkan proses pelaksanaan projek pembangunan, pelbagai langkah pentadbiran telah diambil. Sehubungan ini, Perbendaharaan telah memberi kuasa kewangan yang lebih besar kepada kementerian dan agensi. Lembaga tender di peringkat kementerian dan jabatan kini boleh meluluskan sehingga RM50 juta tender untuk kerja dan RM30 juta tender untuk bekalan dan perkhidmatan. Lembaga tender juga dibenar meluluskan tender terhad sehingga RM5 juta. Bagi sebut harga, penurunan kuasa telah diberi kepada kementerian untuk kelulusan sehingga RM200,000. Bagi badan berkanun, had kelulusan untuk tender yang diberi bagi semua bekalan, perkhidmatan dan kerja-kerja telah dinaikkan kepada RM100 juta sementara untuk tender terhad, mereka diberi kuasa meluluskan sehingga RM10 juta.

Untuk mempercepatkan pelaksanaan projek dan mengurangkan proses, Kerajaan melantik perunding pengurusan projek (PMCs) untuk menyelia pembangunan projek sektor awam. Projek-projek juga ditawarkan secara turnkey dan berdasarkan rekabentuk-dan-bina bagi memendekkan masa pemprosesan dan penyiapannya. Kontraktor pula dikehendaki supaya memulakan kerja dengan segera selepas

tender diluluskan manakala tatacara pembayaran untuk kerja-kerja yang telah disiapkan oleh kontaktor utama dan kontraktor kecil telah dipermudahkan untuk mempercepatkan proses pelaksanaan. Sementara itu, Kementerian Kewangan akan terus menyemak dan memudahkan prosedur pentadbiran yang sedia ada untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan projek. Di samping itu, satu Flying Squad telah ditubuhkan di Perbendaharaan untuk memantau pelaksanaan projek supaya masalah dan tempoh kelewatan dalam proses pelaksanaan dapat diminimumkan.

Bagi mencerminkan kepentingan pembangunan sumber manusia dan peranannya dalam ekonomi baru serta usaha untuk menggalakkan kualiti hidup yang lebih baik, perbelanjaan **perkhidmatan sosial** yang merupakan 45.6% daripada perbelanjaan pembangunan telah mengatasi perbelanjaan perkhidmatan ekonomi sebagai komponen terbesar, seperti di Jadual 5.8. Perbelanjaan untuk **pendidikan** dijangka meningkat sebanyak 35.7% kepada RM9,630 juta sejajar dengan objektif untuk menggalakkan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dan mengurangkan jurang digital. Antara projek utama termasuklah pembinaan dan menaik taraf

sekolah, politeknik dan makmal komputer. Peruntukan yang lebih besar juga diberi bagi biasiswa untuk pendidikan tinggi dan Tabung Pendidikan Tinggi Negara bagi menyediakan pinjaman kepada pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi. Perbelanjaan untuk **perumahan** yang berjumlah RM1,922 juta adalah untuk projek perumahan awam kos rendah bagi golongan miskin serta kuarters untuk anggota tentera, polis dan guru-guru di kawasan luar bandar. Untuk mendapatkan taraf penjagaan kesihatan yang lebih baik, sebahagian besar perbelanjaan ke atas **perkhidmatan kesihatan** yang berjumlah RM1,098 juta adalah dikhaskan untuk projek menaik taraf hospital dan klinik yang sedang dilaksanakan di kawasan bandar dan luar bandar.

Perbelanjaan bagi **sektor ekonomi** yang berjumlah RM11,614 juta adalah untuk pembangunan perindustrian, pengangkutan serta pertanian dan pembangunan luar bandar, seperti di Jadual 5.10. Di bawah sektor kecil **perdagangan dan perindustrian**, sebahagian besar peruntukannya adalah disasarkan untuk pembangunan industri kecil dan sederhana, pembinaan dan pembangunan kawasan perindustrian, francais dan vendor, perundingan dan pembangunan pemasaran serta program

yang boleh memajukan dan membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Modal teroka bernilai RM500 juta telah disalurkan kepada Syarikat Pengurusan Modal Teroka Malaysia Berhad (MAVCAP) yang ditubuhkan baru-baru ini bagi menyediakan dana teroka untuk membiayai syarikat-syarikat berteknologi tinggi, sejajar dengan strategi untuk membangunkan usahawan innopreneur dan technopreneur. Di samping itu, sejumlah RM350 juta daripada peruntukan RM1 bilion telah disalurkan kepada tabung perkapalan yang diuruskan oleh Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan keupayaan industri perkapalan Malaysia. Sektor pelancongan juga diberi perhatian kerana ia dikenali pasti berpotensi sebagai salah satu penyumbang utama kepada perolehan tukaran wang asing dengan 11 juta pelancong dianggarkan tiba pada tahun 2001. Perbelanjaan yang tinggi telah disediakan untuk promosi pelancongan serta membangunkan kemudahan pelancong termasuk penyediaan bilik penginapan dengan kadar sewa berpatutan.

Kerajaan telah membeli 29.1% ekuiti Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) demi kepentingan strategiknya kepada negara. Syarikat

JADUAL 5.9

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan
bagi Perkhidmatan Sosial
2000-2002**

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2000 ¹	2001 ²	2002 ³	2000	2001	2002	2000	2001	2002
Pendidikan	7,099	9,630	5,905	83.7	35.7	-38.7	64.1	65.9	53.7
Kesihatan	1,272	1,098	1,273	52.2	-13.7	15.9	11.5	7.5	11.6
Perumahan	1,194	1,922	1,820	10.5	61.0	-5.3	10.8	13.1	16.6
Lain-lain	1,511	1,968	1,994	30.8	30.2	1.3	13.6	13.5	18.1
Jumlah	11,076	14,618	10,992	59.7	32.0	-24.8	100.0	100.0	100.0

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2002.

JADUAL 5.10

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan
bagi Perkhidmatan Ekonomi
2000-2002**

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2000 ¹	2001 ²	2002 ³	2000	2001	2002	2000	2001	2002
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,183	2,314	2,942	8.7	95.6	27.1	10.2	19.9	24.9
Kemudahan awam	1,517	878	2,503	-18.0	-42.1	185.1	13.0	7.6	21.2
Perdagangan dan perindustrian	3,667	4,380	2,414	31.1	19.4	-44.9	31.5	37.7	20.5
Pengangkutan	4,863	3,986	3,514	68.1	-18.0	-11.8	41.8	34.3	29.8
Perhubungan	228	12	52	-20.9	-94.7	333.3	2.0	0.1	0.4
Lain-lain	181	44	373	250.9	-75.7	747.7	1.5	0.4	3.2
Jumlah	11,639	11,614	11,798	29.8	-0.2	1.6	100.0	100.0	100.0

¹ Anggaran sebenar.² Anggaran disemak.³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2002.

JADUAL 5.11

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan
bagi Program Perdagangan dan Perindustrian
2000-2002**

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2000 ¹	2001 ²	2002 ³	2000	2001	2002	2000	2001	2002
Pembangunan industri	37	1	1	53.9	-97.3	0.0	1.0	0.0	0.0
Perkhidmatan ekonomi	2,346	1,445	1,389	14.6	-38.4	-3.9	64.0	33.0	57.5
Pelancongan	397	882	294	31.9	122.2	-66.7	10.8	20.1	12.2
Penyelidikan industri	876	1,985	730	128.1	126.6	-63.2	23.9	45.3	30.3
Lain-lain	11	67	- ⁴	-72.8	509.1	-100.0	0.3	1.6	0.0
Jumlah	3,667	4,380	2,414	31.1	19.4	-44.9	100.0	100.0	100.0


¹ Anggaran sebenar.² Anggaran disemak.³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2002.⁴ Diklasifikasikan semula di bawah tajuk kecil yang lain.

penerbangan nasional ini merupakan penghubung penting kepada dunia luar untuk penumpang dan kargo bernilai ditambah tinggi. Ia juga menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia serta menyediakan perkhidmatan pengangkutan dan komunikasi yang strategik dalam negeri.

Di bawah **sektor kecil pengangkutan**, kira-kira 70% daripada perbelanjaan adalah untuk pembinaan dan menaik taraf jalan raya dan jambatan manakala bakinya adalah untuk pelabuhan, lapangan terbang dan landasan keretapi. Perbelanjaan yang lebih tinggi ini bertujuan untuk menyediakan rangkaian pengangkutan negara yang cekap dan bersepadu untuk memudahkan pergerakan barang dan penumpang di dalam dan luar negara.

Perbelanjaan untuk **pertanian dan pembangunan luar bandar** dijangka meningkat dengan ketara mencerminkan dasar Kerajaan untuk menjana semula sektor pertanian sebagai enjin pertumbuhan ketiga, seperti di Jadual 5.12. Bidang utama yang diberi penekanan ialah menggalakkan pengeluaran makanan untuk mengurangkan import makanan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Dalam hal ini, Kerajaan telah melaksanakan beberapa projek pertanian secara komersial dalam bidang pengeluaran makanan. Bagi pembangunan luar bandar, Kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan untuk projek-projek yang boleh dilaksanakan dengan segera. Sehubungan ini, projek-projek seperti jalan kampung, bekalan elektrik dan bekalan air luar bandar diberi keutamaan.

Perbelanjaan bagi **pentadbiran am** dijangka meningkat 3.1%. Peningkatan ini sebahagian besarnya adalah untuk menyediakan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi bagi menyokong aplikasi e-kerajaan dan pengkomputeran. Sementara itu, perbelanjaan bagi sektor **keselamatan dan pertahanan** dijangka meningkat selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk meningkatkan taraf dan memodenkan angkatan tentera dan polis, berikutan bertambahnya kerumitan dan cabaran yang dihadapi dalam membanteras jenayah dan mengekalkan keselamatan negara.



PROSES BELANJAWAN BERPANDANGAN KE HADAPAN

Pengenalan

Penyediaan Belanjawan negara adalah sebahagian daripada pengurusan kewangan dan fiskal Kerajaan. Selama ini, Belanjawan negara disedia dan diluluskan secara tahunan. Proses ini bermula dengan Perbendaharaan mengeluarkan pekeliling, biasanya pada bulan Januari, kepada semua kementerian dan agensi meminta cadangan belanjawan untuk tahun yang berikutnya dikemukakan. Selain daripada memberi gambaran tentang senario ekonomi jangka pendek negara, pekeliling tersebut juga menetapkan strategi belanjawan keseluruhan yang bertujuan untuk mencapai sasaran makroekonomi tertentu.

Selepas cadangan belanjawan dikemukakan, Perbendaharaan akan memulakan proses pemeriksaan belanjawan bersama setiap kementerian dan agensi dengan mengkaji semula kemajuan program dan projek yang sedia ada serta memastikan program dan projek baru menepati strategi dan kriteria seperti yang ditetapkan dalam pekeliling tersebut. Selepas perundingan dan kajian yang terperinci, yang akan mengambil kira kedudukan kewangan Kerajaan dan profil hutang, Belanjawan negara disatukan akan disiapkan dan dikemukakan kepada Parlimen untuk pertimbangan dan kelulusan pada akhir Oktober.

Proses Baru – Penyediaan Dan Pemeriksaan Belanjawan Sekali Dalam Tempoh Dua Tahun

Mulai tahun 2002, dengan berkuatkuasanya Pekeliling No. 2/2001, proses penyediaan dan pemeriksaan belanjawan akan dilaksanakan sekali dalam tempoh dua tahun berbanding dengan sekali setahun sebelum ini. Walau bagaimanapun, perubahan prosedur belanjawan ini, adalah hanya secara pentadbiran sahaja dan tidak melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan atau Akta Prosedur Kewangan, 1957. Sehubungan dengan ini, Belanjawan negara akan terus dikemukakan kepada Parlimen untuk pertimbangan dan kelulusan setiap tahun. Walaupun Perbendaharaan masih perlu menyediakan peruntukan tahunan untuk dikemukakan kepada Parlimen, pemeriksaan dan kajian semula secara terperinci ke atas cadangan kementerian akan dilaksanakan sekali dalam tempoh dua tahun.

Rasional

Perubahan pentadbiran dalam penyediaan dan kajian semula Belanjawan negara sekali dalam tempoh dua tahun berbanding sekali setahun dapat mempertingkatkan kualiti dan kecekapan peruntukan belanjawan. Prosedur menyediakan belanjawan sekali dalam tempoh dua tahun dapat merangkumi dasar jangka sederhana ke dalam proses belanjawan yang lazimnya berorientasikan jangka pendek. Dengan demikian, proses baru dapat memberi kelonggaran untuk mengambil kira kedua-dua dasar fiskal tahunan berjangka pendek dan dasar jangka sederhana seperti termaktub dalam rancangan lima tahun dan rangka rancangan jangka panjang. Dengan perbelanjaan Kerajaan ditentukan dua tahun ke hadapan, proses baru ini memudahkan penentuan kedudukan fiskal Kerajaan dan dengan demikian memperbaiki perancangan dan pengurusan aliran tunai. Secara khususnya, keperluan dan program pinjaman Kerajaan dapat ditentukan dengan lebih tepat untuk meminimumkan kurangan atau lebihan pinjaman.

Melalui proses penyediaan belanjawan dua tahun sekali, sumber-sumber seperti tenaga manusia, masa dan wang untuk pemeriksaan di Perbendaharaan dan 50 buah kementerian serta agensi dapat dikurangkan. Sumber-sumber yang diijamatkan ini dapat dimanfaatkan untuk tugas-tugas lain seperti memastikan pelaksanaan projek dijalankan dengan lebih cepat, mengenalpasti serta mencadangkan maklum balas untuk memperbaiki kelemahan pelaksanaan. Dengan menetapkan belanjawan dua tahun ke hadapan, kementerian dan agensi dapat merancang dan melaksanakan program dan projek dengan lebih pasti, berdisiplin dan telus.

Kejayaan proses belanjawan berpandangan ke hadapan ini bergantung kepada peruntukan belanjawan yang berasaskan pemahaman yang jelas terhadap teras dasar dan strategi negara. Tambahan pula, proses baru ini membolehkan agihan semula peruntukan atau tambahan dilaksanakan dengan

segera sekiranya terdapat perubahan yang tidak dijangkakan, sama ada berpunca daripada dalam atau luar negeri. Dengan demikian, walaupun peruntukan belanjawan telah ditentukan dua tahun ke hadapan, masih terdapat kelonggaran untuk menghadapi perkembangan yang tidak dijangka.

Kesimpulan

Belanjawan negara sebagai alat perancangan pengurusan kewangan yang berkesan telah lama diiktiraf. Perubahan dalam penyediaan belanjawan yang terkini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi peranan tersebut. Sistem belanjawan berpandangan ke hadapan adalah hasil daripada usaha berterusan Kerajaan untuk memudahkan prosedur pentadbiran, mengurangkan birokrasi dan meluaskan penurunan kuasa. Proses baru ini membebaskan sumber, menggalakkan kecekapan perbelanjaan, mempertingkatkan keberkesanan program dan projek serta mengukuhkan mekanisme untuk pengawalan, pemantauan dan pertanggungjawaban.

JADUAL 5.12

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Program Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar 2000-2002

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2000 ¹	2001 ²	2002 ³	2000	2001	2002	2000	2001	2002
Pertanian	277	458	900	14.9	65.3	96.5	23.4	19.8	30.6
Pembangunan tanah	100	210	341	1.9	110.0	62.4	8.5	9.1	11.6
Pengairan dan saliran	472	988	1,260	35.1	109.3	27.5	39.9	42.7	42.8
Penanaman semula getah	18	152	260	-89.5	744.4	71.7	1.5	6.6	8.8
Perikanan	109	220	95	53.3	101.8	-56.8	9.2	9.5	3.2
Penternakan	45	69	52	29.2	53.3	-24.6	3.8	3.0	1.8
Perhutanan	42	29	34	39.5	-31.0	17.2	3.6	1.3	1.2
Lain-lain	120	188	-	34.5	56.7	-100.0	10.1	8.0	0.0
Jumlah	1,183	2,314	2,942	8.7	95.6	27.1	100.0	100.0	100.0

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.


³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2002.

Sumber Pembiayaan

Kedudukan kecairan yang tinggi dalam sistem kewangan dalam negeri telah membolehkan Kerajaan mendapatkan sebahagian besar keperluan pinjamannya daripada sumber-sumber dalam negeri. Pinjaman dalam negeri merangkumi 82.2% daripada jumlah keseluruhan

pinjaman manakala pinjaman luar kekal rendah iaitu 17.8%, dan dengan itu meminimumkan pendedahan Malaysia kepada risiko tukaran wang asing dan kadar faedah.

Pinjaman bersih dalam negeri dijangka berjumlah RM15,421 juta, sebahagian besarnya adalah melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia



(SKM), yang sejumlah besar dilanggan oleh dana-dana simpanan pekerja, pencen dan insurans. Selain menjadi punca utama keperluan pembiayaan Kerajaan, terbitan SKM yang berkala juga dapat menyediakan keluk penanda aras kadar pulangan untuk menyokong pembangunan pasaran bon tempatan. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kekal sebagai pemegang utama merangkumi 73% (pada akhir Ogos) daripada SKM yang diterbitkan dan selebihnya dipegang oleh institusi perbankan, perusahaan awam, institusi kewangan bukan bank dan pelabur asing. Dalam tahun ini, empat terbitan SKM bernilai RM21,500 juta akan diterbitkan. Setelah mengambil kira bayaran balik berjumlah RM7,100 juta, terbitan bersih SKM dijangka bernilai RM14,400 juta.

Pinjaman bersih luar negara dijangka berjumlah RM4,797 juta, sebahagian besar adalah daripada pinjaman pasaran baru yang dibuat sepanjang tahun serta pengeluaran pinjaman sedia ada.

Semenjak tahun 1999, tiada pinjaman baru yang dibuat daripada punca pelbagai hala seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia. Pinjaman pasaran baru yang bernilai RM3,800 juta (USD1 bilion) telah dikeluarkan melalui terbitan bon global pada Julai 2001 pada kadar kupon 7.5%. Pengeluaran bon tersebut telah tiga kali melebihi langganan dan berharga 228 mata asas melebihi paras harga bil 10 tahun Perbendaharaan AS, mencerminkan keyakinan pelabur asing kepada asas ekonomi negara yang kukuh termasuk kedudukan hutang luar yang rendah. Pengeluaran pinjaman sedia ada adalah daripada Bank Dunia (RM359 juta), Bank Pembangunan Islam (RM65 juta) dan Bank Pembangunan Asia (RM113 juta) manakala bakinya adalah daripada sumber-sumber dua hala dengan Japan Bank for International Cooperation (JBIC) menyediakan RM390 juta. Sepanjang tahun ini, pinjaman kasar luar negara berjumlah RM5,539 juta, dengan RM4,612 juta adalah pinjaman pasaran dan selebihnya RM927 juta adalah pinjaman projek. Bayaran balik adalah berjumlah RM742 juta dengan RM562 juta merupakan bayaran balik pinjaman projek dan RM180 juta pinjaman pasaran.

Kerajaan Negeri

Kedudukan Kewangan yang disatukan untuk 13 kerajaan negeri dijangka mencatatkan lebihan dalam akaun semasa. Namun demikian, baki keseluruhan dijangka terus mencatatkan defisit. Defisit yang lebih besar pada tahun 2001 dijangka meningkat 153.7% kepada RM1,479 juta berbanding pada tahun 2000 berpunca daripada perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi, seperti di Jadual 5.13. Defisit ini sebahagian besarnya dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan penggunaan aset terkumpul kerajaan negeri.

Hasil kerajaan negeri daripada sumber sendiri menyumbang 86% kepada jumlah keseluruhan hasil, sebahagian besarnya diperolehi daripada sumber-sumber hasil bukan cukai seperti royalti petroleum, gas dan perhutanan, jualan barangan dan perkhidmatan, dividen dan faedah ke atas pelaburan serta lesen dan permit. Sumber-sumber hasil cukai hanya menyumbang 13.5%, terutamanya daripada cukai berkaitan tanah dan

JADUAL 5.13

**Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri
Yang Disatukan
2000-2001**

	RM juta		Perubahan (%)	
	2000 ¹	2001 ²	2000	2001
Akaun semasa				
Hasil	9,792	10,460	19.6	6.8
Perbelanjaan	5,249	5,878	8.0	12.0
mengurus				
Lebihan semasa	4,543	4,582	36.8	0.9
Akaun pembangunan				
Perbelanjaan	5,392	6,258	21.4	16.1
pembangunan kasar				
Kumpulan wang	4,742	5,168	25.8	9.0
pembangunan				
Kumpulan wang	650	1,090	-3.7	67.7
bekalan air				
Terimaan balik	266	197	-56.8	-25.9
pinjaman				
Perbelanjaan	5,126	6,061	33.9	18.2
pembangunan bersih				
Baki keseluruhan	-583	-1,479	15.4	153.7

¹ Anggaran sebenar.² Anggaran disemak.

cukai hiburan. **Pemberian dan bayaran ganti** Kerajaan Persekutuan pula menyumbang 14% kepada hasil keseluruhan kerajaan negeri.

Jumlah **perbelanjaan mengurus** kerajaan negeri dijangka meningkat 12% kepada RM5,878 juta (2000: RM5,249 juta) dengan emolumen dan bekalan dan perkhidmatan merupakan komponen terbesar. Bagi **perbelanjaan pembangunan**, selain daripada pembesaran dan menaik taraf infrastuktur, perumahan dan kemudahan awam, sebanyak 23.2% adalah untuk projek bekalan air bagi membolehkan lebih banyak kawasan luar bandar dapat menikmati kemudahan bekalan air bersih.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) terus memainkan peranan penting dalam ekonomi

melalui aktiviti komersialnya, pembangunan sumber asli dan penyediaan kemudahan awam. Prestasi PABK secara keseluruhan terus kukuh walaupun sektor dalam dan luar negara adalah lembab. Kedudukan PABK yang kukuh ini berpunca daripada permintaan yang berterusan terhadap produk petroleum, elektrik dan perkhidmatan telekomunikasi yang melibatkan tiga syarikat utama iaitu PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (TMB).

Selaras dengan prestasi yang lebih baik, hasil PABK yang disatukan dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 14.2% berbanding 2.5% pada tahun sebelumnya, seperti di Jadual 5.14. Walaupun perbelanjaan semasa meningkat sebanyak 12.9% dan perbelanjaan pembangunan 20.5%, baki keseluruhan PABK dijangka mencatatkan lebihan yang lebih tinggi berikutan prestasi hasil yang lebih baik. Lebihan ini menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding dengan tahun lepas dengan peningkatan 8.5% berbanding penurunan 7.1% pada tahun 2000.

JADUAL 5.14

**Kedudukan Kewangan PABK
yang Disatukan¹
2000-2001**

	RM juta		Perubahan (%)	
	2000 ³	2001 ⁴	2000	2001
Hasil	102,308	116,833	2.5	14.2
Perbelanjaan	62,786	70,893	3.2	12.9
semasa				
Pendapatan	39,522	45,940	1.4	16.2
tertanggung				
% kepada KDNK	11.6	13.3		
Perbelanjaan	25,544	30,779	6.8	20.5
pembangunan ²				
Baki keseluruhan	13,978	15,161	-7.1	8.5
% kepada KDNK	4.1	4.4		

¹ Merujuk kepada 37 PABK.² Termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan.³ Sebenar.⁴ Anggaran.

Prestasi 37 PABK yang lebih baik adalah berikutan pendapatan PETRONAS yang lebih tinggi, yang dijangka menyumbang hampir dua pertiga kepada keseluruhan hasil. PETRONAS mencatatkan prestasi terbaik antara PABK dengan peningkatan hasil sebanyak 21% terutamanya kerana harga produk petroleum yang kekal tinggi, termasuk gas cecair asli (LNG) dan juga pulangan yang baik daripada pelaburan strategik di 25 buah negara di seluruh dunia. Eksport dan pulangan daripada pelaburan antarabangsa berjumlah 80% daripada keseluruhan pendapatan PETRONAS. Hasil TNB dijangka meningkat sedikit kepada RM14,379 juta, terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam bekalan elektrik kepada isi rumah sebanyak 10.8%, sektor komersial (6.9%) dan industri (3.5%). Peningkatan mendadak penggunaan telefon bimbit, yang dijangka naik sekali ganda pada tahun ini menyumbang kepada peningkatan ketara dalam hasil TMB iaitu 12% kepada RM10,158 juta.

Perbelanjaan mengurus yang meningkat 12.9% kepada RM70,893 juta (2000: RM62,786 juta) adalah berpunca daripada peningkatan dalam kos buruh berikutan pelarasan gaji dan projek-projek yang baru siap telah mula beroperasi. Perbelanjaan pembangunan pula, dijangka lebih tinggi sebanyak 20.5%, mencapai RM30,779 juta (2000: RM25,544 juta) dengan 80% adalah oleh PETRONAS, TNB dan TMB bagi membiayai program pemodenan dan pengembangan mereka.

Sepanjang tahun ini, PETRONAS terus melabur dalam kedua-dua aktiviti hulu dan hiliran. Projek-projek utama yang akan dilaksanakan termasuklah loji pemprosesan gas, projek kemudahan berpusat dan penambahan kapal LNG oleh Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) bagi menampung peningkatan kapasiti di loji LNG Bintulu. Bagi pelaburan dalam negara, kontrak perkongsian pengeluaran (PSC) telah ditandatangani dengan Royal Dutch Shell di Sabah sementara di peringkat antarabangsa, PSC yang dipersetujui melibatkan Sudan, Algeria dan Pakistan untuk meningkatkan lagi jumlah usahasama eksplorasi dan pengeluaran kepada 22 kesemuanya di 14 buah negara. Bagi aktiviti hiliran pula, enam buah loji baru di dua buah Kompleks Petrokimia Bersepadu telah disiapkan pada tahun ini. Ia adalah loji usahasama *acid acetic* dengan British Petroleum, loji acrylic acid

dengan Badische Anilin- and Soda-Fabric AG (BASF), viny chloride monomer, polyvinyl chloride dan loji ammonia-syngas serta loji aromatik bagi pengeluaran paraxylene dan benzene.

Perbelanjaan modal oleh TNB sebahagian besarnya adalah untuk mengembang dan menaik taraf rangkaian penghantaran dan pengagihan bagi memenuhi permintaan yang dijangka meningkat pada masa hadapan. Projek-projek utama TNB yang telah siap dan dijangka beroperasi menjelang akhir tahun 2001 adalah Stesen Janakuasa Sultan Abdul Aziz (Fasa 3), 500 KV Sistem Transmisi Fasa 1 dan 1A serta Universiti Tenaga Nasional (Fasa 3). TNB juga telah menandatangani perjanjian pembelian tenaga (PPA) dengan dengan dua buah pengeluar tenaga bebas (IPPs) yang akan menambah 1360MW lagi kepada kapasitinya yang sedia ada. Menjelang akhir tahun 2001, penjanaan TNB dijangka meningkat 5% kepada 66,817 Gwh (2000: 63,635 Gwh).

TMB juga telah menceburi projek-projek baru bagi menaik taraf dan mengembangkan rangkaian sistem sedia ada dengan memperkenalkan teknologi yang terkini bagi memenuhi permintaan semasa perniagaan seperti Wireless Local Loop, Talian Pelanggan Digital Asimetrik, Multimedia Interaktif dan Capaian Internet Berkelajuan Tinggi. Pengembangan litar jalur lebar dan lain-lain kemudahan multimedia akan meningkatkan lagi perkhidmatan TMB, terutama di kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC). TMB dijangka melabur sejumlah RM551 juta untuk membekalkan perkhidmatan telekomunikasi ke luar bandar dengan menggunakan Rangkaian Hibrid Kod Bahagian Pelbagai Akses yang menggabungkan teknologi tanpa wayar, mudah alih dan internet. Pelaksanaan fasa pertama di Sarawak pada September 2001 pada awalnya akan memberi manfaat kepada 15,000 pengguna dan akhirnya akan meningkat kepada 150,000 pengguna setiap tahun di kawasan luar bandar dan pedalaman seluruh negara. Walaupun TMB menjangkakan pertumbuhan yang memberangsangkan melebihi 100% dalam perniagaan telefon bimbit, perniagaan telefon talian tetap dijangka kekal sebagai penyumbang utama kepada hasil pendapatan, dengan sumbangan kira-kira 70% kepada jumlah hasil.

Hutang Negara

Hutang negara jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang kekal rendah. Sejumlah besar hutang negara atau 88.8% terdiri daripada hutang jangka sederhana dan jangka panjang dengan tempoh matang di antara satu tahun hingga lebih daripada 10 tahun. Dengan kedudukan hutang negara pada paras 46.9% daripada KDNK, Malaysia dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana. Pada tahap ini dan dengan adanya jadual profil hutang yang baik, hutang negara kekal mapan, berhemat serta terkawal.

Hutang jangka sederhana dan jangka panjang sektor awam dan swasta dijangka meningkat 2%, mencerminkan peningkatan sebahagian besar hutang sektor awam. Hutang sektor awam dianggarkan meningkat 11.8% kepada RM87,735 juta berikutan peningkatan dalam hutang jangka sederhana dan jangka panjang Kerajaan Persekutuan dan PABK, seperti di Jadual 5.15.

Sebaliknya, hutang sektor swasta dijangka berkurangan 10.4% kepada RM56,224 juta berikutan pelaksanaan program penstrukturan semula hutang korporat.

Hutang jangka pendek yang terdiri daripada pinjaman oleh sektor perbankan dan syarikat swasta dijangka meningkat sedikit iaitu 2.8% kepada RM18,118 juta. Ini berikutan peningkatan pinjaman jangka pendek bagi membiayai aktiviti operasi semasa. Hutang jangka pendek sebagai peratusan daripada rizab antarabangsa kekal rendah pada 16%, sehingga akhir September 2001 (2000: 15.5%), mencerminkan pengurusan fiskal yang berhemat dan pengurusan kewangan yang cekap.

Jumlah khidmat hutang luar dijangka meningkat 3.7% kepada RM22,340 juta pada tahun 2001 (2000: RM21,536 juta), dengan bayaran balik pokok dianggarkan RM15,140 juta dan bayaran faedah sebanyak RM7,200. Berikutan daripada khidmat hutang yang lebih tinggi, **nisbah khidmat**

JADUAL 5.15

Hutang Negara 2000-2001

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2000 ¹	2001 ²	2000	2001	2000	2001
Hutang sederhana dan jangka panjang	141,188	143,959	3.3	2.0	88.9	88.8
Sektor awam	78,471	87,735	1.9	11.8	49.4	54.1
Kerajaan Persekutuan	18,820	23,617	2.5	25.5	11.8	14.6
PABK	59,651	64,118	1.7	7.5	37.6	39.6
Dijamin	11,182	11,964	0.6	7.0	7.0	7.4
Tidak dijamin	48,469	52,154	2.0	7.6	30.5	32.2
Sektor swasta	62,717	56,224	5.2	-10.4	39.5	34.7
Hutang jangka pendek	17,633	18,118	-27.3	2.8	11.1	11.2
Jumlah	158,821	162,077	-1.3	2.1	100.0	100.0

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

hutang yang merupakan nisbah bayaran balik pokok dan bayaran faedah kepada eksport barangan dan perkhidmatan dijangka meningkat sedikit kepada 5.8% (2000: 5.1%).

Hutang Kerajaan Persekutuan

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan, yang terdiri daripada hutang dalam dan luar negara, dijangka meningkat 16.1% kepada RM145,842 juta pada tahun 2001, atau 42.2% daripada KDNK (2000: RM125,625 juta atau 36.9% daripada KDNK), seperti di Jadual 5.16. Daripada jumlah ini, hutang dalam negeri dijangka meningkat 14.4% disebabkan terutamanya oleh terbitan SKM yang lebih besar merangkumi 84.6% daripada jumlah keseluruhan hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan. Baki sebanyak 15.4% lagi atau RM18,775 terdiri daripada Bil Perbendaharaan (TBs), Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Perbendaharaan serta pinjaman bersindiket oleh bank asing yang diperbadankan di negara ini.

Hutang luar dijangka meningkat 25.5% kepada RM23,617 juta atau 6.8% daripada KDNK (2000:

RM18,820 juta atau 5.5% daripada KDNK). Pinjaman pasaran kekal sebagai komponen terbesar hutang luar, merangkumi 69.7% (RM16,472 juta) manakala baki 30.3% atau RM7,145 juta ialah pinjaman projek. Mengambil kesempatan daripada keadaan pasaran yang menggalakkan serta profil hutang luar negara yang rendah, Kerajaan telah menceburi pasaran modal pada Julai 2001 untuk menambah terbitan bon bernilai USD1 bilion. Selain untuk memenuhi keperluan pembiayaan, pinjaman luar juga telah membantu mengekalkan kedudukan pasaran Malaysia di samping menjadi penanda aras kepada pinjaman sektor korporat.

Mengikut komposisi mata wang, 63.8% atau RM15,070 juta daripada jumlah hutang luar adalah dalam mata wang dolar AS. Ini diikuti oleh mata wang yen yang merangkumi 23.5%, manakala bakinya adalah dalam mata wang lain seperti euro, swiss francs dan pound sterling.

Sejajar dengan pinjaman yang lebih tinggi beberapa tahun kebelakangan ini untuk membiayai defisit fiskal, **khidmat hutang** Kerajaan Persekutuan (bayaran faedah dan bayaran balik pokok) dijangka meningkat 13.1%

JADUAL 5.16


Hutang Kerajaan Persekutuan 2000-2001

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2000 ¹	2001 ²	2000	2001	2000	2001
Hutang dalam negeri	106,805	122,225	13.9	14.4	85.0	83.8
Bil Perbendaharaan	4,320	4,320	-	-	4.0	3.5
Terbitan Pelaburan	4,000	4,000	-	-	3.7	3.3
Sekuriti Kerajaan	89,050	103,450	13.7	16.2	83.4	84.6
Lain-lain pinjaman dalam negeri ³	9,435	10,455	3.7	10.8	8.8	8.6
Hutang luar	18,820	23,617	2.5	25.5	15.0	16.2
Pinjaman pasaran	12,040	16,472	8.7	36.8	64.0	69.7
Pinjaman projek	6,780	7,145	-7.0	5.4	36.0	30.3
Jumlah	125,625	145,842	12.0	16.1	100.0	100.0

¹ Anggaran sebenar

² Anggaran disemak.


³ Terutama pinjaman bersindiket dari bank-bank asing yang diperbadankan di Malaysia dan pinjaman di bawah Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Perbendaharaan.



kepada RM20,641 juta (2000: RM18,243 juta). Bayaran balik pokok dianggarkan berjumlah RM10,873 juta, yang mana 93.2% adalah bayaran balik pinjaman dalam negeri, mencerminkan sumber utama pembiayaan adalah daripada sumber-sumber pasaran dalam negeri. Daripada bayaran faedah yang berjumlah RM9,768 juta, 85.7% adalah untuk pinjaman dalam negeri.

Tinjauan Tahun 2002


Keadaan ekonomi luar negara dijangka terus tidak stabil terutamanya kerana ketidakpastian tentang tempoh dan sejauh mana ekonomi dunia akan mengalami kelembapan. Dengan itu, pertumbuhan pada tahun 2002 akan terus bergantung kepada sumber-sumber dalam negeri. Sehubungan ini, operasi belanjawan mengembang akan diteruskan. Walau bagaimanapun, dengan prestasi hasil yang lebih



baik dan perbelanjaan pembangunan yang rendah, defisit keseluruhan dijangka akan menjadi lebih kecil. Selain daripada mencerminkan dasar fiskal yang berhemat untuk menjamin perkembangan makroekonomi yang mapan dalam jangka masa panjang, saiz rangsangan fiskal yang lebih kecil adalah juga berdasarkan jangkaan bahawa aktiviti sektor swasta dalam negeri akan pulih daripada pertumbuhan yang perlahan pada tahun 2001.

Sektor Awam


Meskipun perbelanjaan mengurus sektor kerajaan adalah tinggi, prestasi hasil yang lebih baik dijangka membawa kepada lebihan semasa yang besar iaitu RM14,004 juta (2001: RM13,943 juta). Sebaliknya, lebihan semasa PABK dijangka berkurangan 20.4% kepada RM32,998 juta berikutan prospek hasil PABK utama yang rendah



terutama dalam sektor-sektor eksport dan utiliti. Oleh itu, kedudukan akaun semasa sektor awam disatukan dijangka berkurangan kepada RM47,002 juta atau 12.7% daripada KDNK (2001: RM55,396 juta atau 16% daripada KDNK). Perbelanjaan pembangunan sektor awam dijangka berkurangan sebanyak 2.9% kepada RM59,327 juta (2001: RM61,129 juta). Walaupun perbelanjaan pembangunan adalah rendah, kedudukan keseluruhan sektor awam dijangka mencatat defisit yang lebih besar iaitu RM12,325 juta atau 3.3% daripada KDNK berikutan daripada lebihan akaun semasa yang kecil.

Kerajaan Persekutuan

Setelah mengambil kira keperluan untuk merangsang ekonomi dan pada masa yang sama mengekalkan kemapanan fiskal jangka panjang serta kestabilan makroekonomi, saiz rangsangan



dan defisit keseluruhan dijangka berkurangan pada tahun 2002. Defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM18,624 juta atau 5% daripada KDNK. Peruntukan belanjawan Kerajaan Persekutuan akan terus memberi penekanan ke atas program dan projek yang memberi kesan pengganda yang tinggi ke atas aktiviti dalam negeri serta boleh mengukuhkan potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

Hasil

Kutipan hasil dijangka meningkat 6.4% kepada RM73,400 juta, sejajar dengan prestasi korporat yang lebih baik dan peningkatan dalam kutipan cukai pendapatan syarikat. Sebaliknya, cukai pendapatan petroleum dijangka turun sedikit, berikutan pengeluaran minyak mentah yang rendah pada tahun 2001 dan tambahan pula, cukai pendapatan petroleum dinilai berdasarkan

pendapatan tahun sebelumnya. Cukai tidak langsung dijangka meningkat 7% berikutan daripada cukai jualan dan perkhidmatan yang lebih tinggi sejajar dengan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

Hasil bukan cukai dijangka meningkat 3.4% kepada RM17,012 juta dengan hasil daripada lesen dan permit dijangka meningkat 4.6% kepada RM6,061 juta, terutamanya disebabkan oleh peningkatan hasil daripada permit dan lesen kenderaan bermotor berikutan daripada permintaan pasaran yang terus menggalakkan.

Belanjawan Mengurus

Peruntukan belanjawan mengurus akan meningkat 6.9% kepada RM65,342 juta, terutamanya untuk memenuhi keperluan emolumen, bayaran khidmat hutang dan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Peningkatan peruntukan untuk **emolumen**, adalah disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan sementara peruntukan untuk **bekalan dan perkhidmatan** juga dijangka meningkat sejajar dengan siapnya beberapa projek pembangunan serta peningkatan peruntukan bagi pembaikan dan penyelenggaraan. Peruntukan tambahan juga disediakan bagi penyelenggaraan jalan kampung dan sistem perparitan di seluruh negara. Tambahan pula, sebahagian besar perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM4,719 juta adalah untuk bayaran subsidi ke atas beras dan baja, produk petroleum, makanan dan buku teks.

Belanjawan Pembangunan

Peruntukan pembangunan untuk **sektor ekonomi** akan terus memberi penekanan terhadap pembangunan perindustrian, infrastruktur, pertanian dan pembangunan luar bandar. Bagi pembangunan perindustrian, tumpuan terus diberikan kepada pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pembangunan e-perdagangan, penyelidikan dan pembangunan

serta meneruskan usaha menggalak dan membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Projek-projek infrastruktur utama yang akan dilaksanakan termasuklah pembinaan Lebuhraya Pantai Timur dan Jalan Lingkaran Luar Butterworth serta menaik taraf jalan raya seperti di Muar-Melaka, Jalan Balakong, Kapar-Sabak Bernam dan Klang-Banting. Projek-projek jalan utama di Sabah dan Sarawak termasuklah menaik taraf Jalan Kuching-Serian, Jalan Nengoh-Kanibungan dan Jalan Merotai-Kalabakan. Projek infrastruktur lain termasuklah projek landasan elektrik berkembar Rawang-Ipoh, pembinaan jambatan, projek tebatan banjir, kerja-kerja mendalamkan Pelabuhan Tanjung Pelepas, pembinaan lapangan terbang yang baru di Limbang dan Bintulu serta menaik taraf Lapangan Terbang Miri.

Peruntukan pembangunan untuk sektor **perkhidmatan sosial** akan terus tertumpu kepada pendidikan dan latihan, perumahan, kesihatan dan perkhidmatan kebajikan. Peruntukan berjumlah RM1,561 juta akan digunakan untuk pembinaan sekolah rendah dan menengah satu sesi. Projek lain termasuklah institut vokasional dan teknikal, kuarters untuk guru dan peruntukan untuk tabung pinjaman pendidikan tinggi. Bagi sektor **perumahan**, sejumlah RM1,820 juta akan diperuntukkan. Pembinaan untuk kuarters tentera, polis dan kakitangan kerajaan yang lain serta rumah untuk golongan miskin dan penempatan semula penduduk setinggan tetap diutamakan. Sektor kecil **kesihatan** akan diberi peruntukan sebanyak RM1,273 juta. Peruntukan ini akan digunakan untuk projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan serta projek-projek baru seperti pembinaan hospital baru dan menaik taraf hospital dan klinik sedia ada. Di antara hospital utama yang sedang dalam pembinaan adalah di Serdang, Alor Setar, Sungai Buloh, Ampang, Sungai Petani, Pandan dan Lahad Datu. Sistem Maklumat Kesihatan Bersepadu (THIS) juga akan dilaksanakan di semua hospital dan klinik.